

D810

R B906 BAH  
MAHATHIR - UMNO

ALOR SETAR, 26 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI BERKATA, HAMPİR KESEMUA BAHAGIAN UMNO DI SELURUH NEGARA TELAH MELAKSANAKAN DENGAN BAIK TUGAS PERSIAPAN BAGI MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, KESIMPULAN ITU DIPEROLEHI DARIPADA HASIL LAWATAN ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO KE SELURUH NEGARA, BARU-BARU INI.

BAGAIMANAPUN TERDAPAT BEBERAPA NEGERI YANG JENTERA PILIHAN RAYA PARTI ITU MASIH BELUM CUKUP BERSEDIA UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM, KATANYA KEPADA PEMBERITA, SELEPAS MENGHADIRI JAMUAN KESYUKURAN PELADANG LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) DI KEPALA BATAS, DEKAT SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO TIDAK MENAMAKAN NEGERI-NEGERI ITU TETAPI MENAMBAH KATA, +KITA AKAN MENOLONG NEGERI-NEGERI ITU SUPAYA BERSEDIA+.

KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS ITU, BELIAU MENGAJAK RAKYAT SUPAYA SENTIASA BERSYUKUR DAN MENANAM SIKAP MENGENANG BUDI. -- LAGI  
1908MST 26 05 90

D811

R B907 BAH  
MAHATHIR - UMNO 2 ALOR SETAR

KATANYA, RAKYAT PERLU BERSYUKUR ATAS SEGALA NIKMAT YANG TELAH MEREKA PEROLEHI DAN TIDAK MENYEBUT-YEBUT PERKARA YANG BELUM MEREKA TERIMA.

PERDANA MENTERI JUGA MENASIHATI RAKYAT SUPAYA JANGAN MENDENGAR HASUTAN KUMPULAN TERTENTU YANG TIDAK MAHU RAKYAT +BERSYUKUR+ ATAS SEGALA NIKMAT PEMBANGUNAN YANG MEREKA KECAPI.

BELIAU BERKATA, RAKYAT PERLU BERSYUKUR KEPADA TUHAN KERANA MENGURNIAKAN KEAMANAN DAN KEMAKMURAN KEPADA NEGARA, DAN PADA MASA YANG SAMA PERLU BERTERIMA KASIH KEPADA PEMERINTAH YANG MEMBANTU MENJAMIN KEAMANAN DAN KEMAKMURAN ITU BERTERUSAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENASIHATI RAKYAT SUPAYA JANGAN KERANA TIDAK MENDAPAT SESUATU HINGGA SANGGUP MENJUAL UNDI KEPADA PARTI PEMBANGKANG.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF DAN MENTERI PERTANIAN, DATUK SERI SANUSI JUNID.

PERDANA MENTERI DAN PARA KENAMAAN KEMUDIAN MELAWAT GERAI-GERAI PAMERAN DAN MENJAMU SELERA PADA JAMUAN TENGAH HARI BERSAMA-SAMA PARA PELADANG MADA.

-- BERNAMA  
1910MST 26 05 90